

22/01/2003

Tugas berat WEF tangani kepincangan era globalisasi

Mior Kamarul Shahid

FORUM Ekonomi Dunia (WEF) Ke-33 di Davos, Switzerland mulai esok (23-28 Januari) diadakan ketika perkembangan dunia begitu luar biasa dan kompleks.

Tahun-tahun kebelakangan ini menyaksikan berlakunya 'ketempangan kepercayaan' masyarakat terhadap pelbagai sektor - daripada badan sosial kepada badan korporat hingga kepada pemimpin dunia dan kerajaan tertentu.

Memulihkan keyakinan untuk masa depan menjadi cabaran kepada pemimpin di seluruh dunia.

Pada pertemuan kali ini, WEF memilih tema "Membina Keyakinan" untuk mencari jalan bagi memulihkan keyakinan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut menghadiri forum berkenaan akan mengambil bahagian pada perbincangan mengenai 'Amanah atau kepercayaan dan tataurus bagi era baru'.

WEF adalah pertemuan terbesar yang membabitkan kira-kira 3,000 peserta - daripada ketua kerajaan seluruh dunia hingga pakar akademik, wakil badan bukan kerajaan (NGO), pemimpin agama dan tokoh perniagaan.

Walaupun sesetengah pihak melabelkannya sebagai kelab kapitalis, ia menjadi tempat percambahan idea pelbagai hala yang terbesar di dunia dengan matlamat mewujudkan dunia yang aman dan makmur. Dengan suasana yang diselubungi isu keganasan hari ini, dunia menjadi kian cemas. Isu penganas juga menjadi salah satu topik perbincangan menarik.

Dr Mahathir akan turut mengambil bahagian pada perbincangan bertajuk 'Bagaimana cara memerangi penganas untuk mengubah dunia' di samping menyertai perbincangan 'Memacu konflik: Politik Islam dan kekecewaan'.

Umum mengetahui isu keganasan menjadi fokus kepada isu politik dunia hari ini, satu transformasi dalam hubungan antarabangsa. Isu keganasan memberi impak yang besar terhadap dasar domestik bagi setiap negara.

Banyak negara terpaksa mengkaji semula keperluan ketenteraan bagi menghadapi konflik ini. Apa yang membimbangkan ialah isu penganas dan penyaluran senjata yang memusnah, berpotensi mencetuskan konflik wilayah kepada konflik global. Ini adalah keadaan yang membimbangkan seluruh dunia hari ini.

Mampukah peserta memberi idea bernas bagi menyelesaikan isu kepincangan pada era globalisasi hari ini? Ia bergantung kepada sejauh mana mereka dapat mempengaruhi sikap pemimpin dunia yang dianggap gagal mengimbangi di antara kecekapan ekonomi dengan keadilan sosial.

Sudah tentu sikap dan tindak-tanduk Amerika Syarikat serta Presiden George W Bush akan menjadi topik perbincangan yang tidak dapat dielakkan.

Mengingati kembali kata-kata bekas Presiden Amerika, Bill Clinton,

pada

WEF 2000: "Alasan kehadiran saya ke sini adalah kerana percaya bahawa secara kolektifnya anda mampu mengubah dunia. Sekiranya anda bersetuju dengan saya, andalah seharusnya membuat keputusan untuk diri anda."

Kata-katanya ini sekadar menggambarkan betapa berpengaruhnya WEF tetapi secara realitinya, apakah Amerika akur dengan idea dan cadangan yang sudah dipersetujui bersama? WEF mungkin dapat memberi pandangan tetapi apakah ia akan dijadikan amalan?

Pertemuan di Davos bermula pada 1971 apabila Klaus Schwab, profesor pengurusan perniagaan Universiti Geneva, menganjurkan simposium dua minggu di Davos untuk memperkenalkan eksekutif Eropah kepada teknik pengurusan Amerika.

Pertemuan tahunan itu dikenali sebagai Simposium Davos sehingga pada pertengahan 1980-an apabila ia dijadikan mesyuarat tahunan.

Yang penting, WEF perlu mencapai misinya sebagai katalis untuk bertindak dan mencipta perubahan serta membawa pemimpin bersama bagi mewujudkan kerjasama di kalangan negara yang berbeza.

WEF yang kembali semula ke Davos tahun ini, selepas buat julung kalinya diadakan di New York tahun lalu, akan memfokuskan kepada suasana dunia yang genting serta isu industri yang dihadapi masyarakat global. WEF kali ini diharap mencari jalan penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi dunia hari ini.

Masyarakat dunia mengharapkan pemulihan dunia yang berkesan. Dunia akan menjadi huru-hara akibat kemerosotan kepercayaan masyarakat kepada institusi kerajaan dan korporat.

Pada 7 November tahun lalu, kajian umum mendapati keyakinan terhadap banyak institusi penting, merudum ke tahap kritikal.

Kajian ke atas 36,000 responden yang dijalankan Gallup International dan Environics International itu membayangkan bahawa soal kepercayaan menjadi salah satu isu besar pada 2003.

Penemuan kajian yang begitu dramatik menunjukkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi demokratik dan dunia serta syarikat nasional, begitu pudar.

Keyakinan mereka terhadap pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kesatuan sekerja dan organisasi lain di seluruh dunia, tidak sebagaimana diharapkan.

Butiran penemuan daripada kajian bebas yang dinamakan Voice Of The People ini menyatakan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang berfungsi untuk membantu kepentingan masyarakat, tidak boleh dipercayai. Jika ada pun sedikit, mereka hanya mempercayai WTO.

Pemimpin dunia menghadapi pergolakan yang sukar diselesaikan akibat

percaturan kuasa hingga rakyat dunia menjadi lemas.

Kajian soal selidik jelas menunjukkan pemimpin dunia di kebanyakan negara diberi kepercayaan yang rendah. Mereka tidak yakin kepada pemimpin mengurus cabaran dunia bagi tahun mendatang demi kepentingan masyarakat dunia. Pemimpin Amerika termasuk dalam golongan ini.

Dalam dunia korporat pula, peneraju syarikat dunia terpaksa menyelesaikan masalah akibat kedudukan ekonomi dunia yang lembap dan kesan

kekuatan ekonomi lalu di samping terpaksa menguruskan kapasiti berlebihan,

mewujudkan faedah daripada hubungan industri dan menyelaras standard tata

urus korporat di samping memandu iklim ekonomi yang sukar.

Sebahagian besar program WEF akan memfokuskan soal perniagaan, pembangunan, ekonomi, kepemimpinan, keselamatan dan nilai. Ia juga akan meliputi isu dan pola yang merentasi pelbagai bidang daripada soal sains dan teknologi sehingga seni dan kemanusiaan.

Mampukah WEF kali ini meletakkan satu landasan bagi memastikan satu pembangunan mapan merentasi keseluruhan masyarakat global dengan membantu

pemimpin mengenal pasti risiko yang akan datang dan kemungkinan impak kepada dunia?

Turut menarik ialah forum terbuka Davos yang anjuran organisasi madani dan NGO yang antara lain membabitkan tajuk bagaimana pembaharuan boleh memandu kepada perubahan ekonomi dan sosial, sumbangan perniagaan globalisasi, perdagangan adil - satu alternatif, mewujudkan satu era globalisasi yang beretika.

WEF 2003 sudah menggariskan bahawa keadaan ekonomi global adalah tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi di Amerika kekal di bawah potensi yang dialami pada 2002 dan ramai penganalisis bersetuju ia akan pulih secara perlahan tahun ini.

Eropah mengalami keadaan pertumbuhan yang teruk manakala Jepun masih menghadapi pertumbuhan yang perlahan.

Tidak kurang juga ramai yang bimbang bahaya deflasi di kebanyakan negara

besar akan berlaku, terutama jika berlaku peperangan di Iraq. Mampukah WEF

mengharungi masalah ini?